

Anwar dahului senarai 238 penerima darjah kebesaran

Alor Setar: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendahului senarai 238 penerima darjah dan bintang kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah ke-82 di Istana Anak Bukit, di sini, semalam.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dianugerahkan Darjah Seri Setia Sultan Sallehuddin Kedah Yang Amat Dihormati (SSSK) yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja.

Sultan Sallehuddin turut berkenaan menganugerahkan Darjah Dato' Seri Setia Pahlawan Yang Amat Dihormati (SSPK) yang membawa gelaran Datuk Seri Pahlawan kepada Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohammad Ab Rahman.

Seramai tiga penerima Darjah Gemilang Wira Mahkota Kedah (DGWK) yang membawa gelaran Datuk Wira, iaitu Pegawai Kewangan Kedah, Datuk Syed Khairul Anuar Syed Abidin; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jan-

tan dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Darjah Dato' Setia Sultan Sallehuddin Kedah (DSSS) yang membawa gelaran Datuk dianugerahkan kepada tiga penerima iaitu Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mohd Azam Abd Samat; Ketua Pegawai Eksekutif AFK Group, Tan Sri Dr Azmil Khalili Khalid dan Kolonel (B) Datuk Mohd Aros Othman.

Sembilan penerima dianugerah darjah Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk, iaitu Pegawai Daerah Kota Setar, Hakim Ariff Md Noor; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dr Nadzaman Mustaffa; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam, Datuk Dr Ching Thoo Kim dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Foad Saktan.

Turut menerima DSDK ialah Ahli Lembaga Pengarah UUM, Mohd Zuhri Abdullah; Pengarah Perubatan Klinik Pakar Mata Ab-

dul Razak,' Dr Abdul Razak KV Koyakutty; Pengerusi Majlis Guru Pondok (HESA) Kedah, Abdullah Lebai Samah; Pengarah Yiked Bina, Mohd Azam Saad dan Presiden Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Kedah, Ang Saik Cheong.

Darjah Dato' Setia Pahlawan (DDSP) yang membawa gelaran Datuk dianugerahkan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Mejar Jeneral Zambery@Jefry Darus; Asisten

Ketua Staf Logistik Pertahanan Markas ATM, Mejar Jeneral Abdul Aziz Abu Hassan.

Turut menerima DDSP ialah Panglima Briged Keenam Infantri, Brigedier Jeneral Saipol Anuar Jaafar dan Ketua Polis Kedah, Datuk Fisol Salleh.

Seramai 13 penerima menerima Setia Diraja Kedah (SDK) antaranya Pegawai Daerah Padang Terap, Azmin Zainol Abidin; Pegawai Daerah Pokok Sena, Mohamad Rizal Mohamad Radzi;

Pengarah Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Dr Fauziah Abdul Wahab; Setiausaha Bahagian Kementerian Pendidikan Tinggi, Datin Noorazah Omar dan Timbalan Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Norizan Ahmad.

Turut menerima SDK ialah Pakar Perunding Kanan Pediatrik HSB, Dr Thiyagar Nadarajaw; Pakar Perunding Kanan Obstetri & Ginekologi, Hospital Sultan Abdul Halim, Dr Sushilanathan K Kathirgamanathan; Ketua Penolong Pengarah Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard Bukit Aman, SAC Ahmad Shukri Mat Akhir.

Anugerah SDK turut diberikan kepada Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kedah, Wan Ishak Soed; Setiausaha Kehormat Majlis Kebajikan Negeri Kedah (MKNK), Faridah Ahmad; Perunding Penasihat Heera Trading & Management Consultancy, Left Kol (B) Heera Singh Tara Singh; Setiausaha Dewan Perhimpunan Cina Kedah, Pang Hu Kong dan Pengurus Besar Fox Custom Tailor, Chau Tai Chuon.

PM doa Sultan Kedah dilimpahi rahmat

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim merafak sembah dan menzahirkan ucapan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-82 Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, semalam.

Menerusi catatan di X, Perdana Menteri mendoakan Sultan Sallehuddin bersama Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff serta seluruh Kerabat Diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah Allah serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan.

"Semoga Duli Tuanku kekal qarar memerintah rakyat Kedah Darul Aman dengan adil dan saksama. Daulat Tuanku," katanya.